



I/SH. 2023(06)

MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga ini adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor **BERTARAF BUMIPUTERA** yang berdaftar di **PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR, LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA** dan **JOHOR CENTRE FOR CONSTRUCTION DEVELOPMENT** yang masih dibenarkan membuat sebut harga pada masa ini bagi membuat kerja-kerja sebagaimana berikut:

BIL	TAJUK PROJEK/ NO. TAWARAN	SYARAT PENDAFTARAN	KEPALA / SUB KEPALA	HARGA DOKUMEN
1.	PENYELENGGARAAN LAMPU ISYARAT SERTA KERJA BERKAITAN BAGI TAHUN 2023 (MPPn / SH / 10 / 2023)	G1/G2 Bumiputera	E16 & E17	RM 50.00 MASA PEMBELIAN : 8.30 pagi – 3.00 petang
2.	PENYELENGGARAAN LAMPU JALAN, LAMPU AWAM SERTA KERJA BERKAITAN DAN MEMBEKAL PERALATAN ELEKTRIK BAGI TAHUN 2023 (MPPn / SH / 11 / 2023)	G2 Bumiputera	E16 & E17	
3.	PENYELENGGARAAN DEWAN, TERMINAL BAS DAN HENTIAN BAS SERTA KERJA BERKAITAN BAGI TAHUN 2023 (MPPn / SH / 12 / 2023)	G2 Bumiputera	CE 21	
4.	PENYELENGGARAAN PASAR, TANDAS, STOR DAN KUARTERS SERTA KERJA BERKAITAN BAGI TAHUN 2023 (MPPn / SH / 15 / 2023)	G2 Bumiputera	CE21	
5.	KERJA – KERJA PENYELENGGARAAN LONGKANG SERTA KERJA BERKAITAN DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN BAGI TAHUN 2023 (MPPn / SH / 31 / 2023)	G2 Bumiputera	CE21 & CE34	
6.	KERJA – KERJA PENYELENGGARAAN BANGUNAN PEJABAT DAN BANGUNAN LAIN SERTA KERJA BERKAITAN DAN MEMBEKAL ALATAN BAHAN BINAAN BAGI TAHUN 2023 (MPPn / SH / 13/ 2023)	G2 Bumiputera	CE21	

PERHATIAN : Tiada Lawatan Tapak Diadakan Tetapi Kontraktor Digalakkan Untuk Melawat Tapak Sebelum Menghantar Dokumen Sebutharga

2. Butir-butir dan dokumen sebut harga ini boleh didapati di **Unit Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras 2, Blok B, Majlis Perbandaran Pontian** dan hendaklah dibayar dalam bentuk **wang pos/kiriman wang/draf bank** berharga **RM50.00** yang dibuat atas nama **Majlis Perbandaran Pontian**. Wang ini tidak akan dikembalikan.

3. Dokumen sebut harga boleh dibeli oleh penama atau wakil-wakil kontraktor (**Wakil kontraktor hanya boleh mewakilkan satu syarikat kontraktor sahaja**) dengan syarat membawa **SIJIL ASAL, COP SYARIKAT** dan **SURAT WAKIL SYARIKAT**. Bagi maksud ini kontraktor-kontraktor hendaklah membawa **salinan asal** serta **foto stat Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)**, Perakuan Pendaftaran Asal **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**, Taraf Bumiputera dari **BPKU**, **Sijil Kontraktor Johor (JCCD)** dan **pendaftaran dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** serta menyerahkan salinannya semasa membeli dokumen sebut harga.

4. **Dokumen mula dijual** pada **27 Mac 2023 (Isnin)**. **Tarikh akhir penyerahan** dokumen sebut harga pada **02 April 2023 (Ahad)**, tidak lewat dari **Jam 12.00 Tengahari**.

5. Dokumen Sebut harga yang telah diisi lengkap hendaklah disampul surat berlakri yang bertulis tajuk sebut harga berkenaan di penjuru kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam **peti sebut harga** bertempat di **Ruang Legar, Blok A, Majlis Perbandaran Pontian, Jalan Alsagoff, 82000 Pontian, Johor** atas nama **Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Pontian, Jalan Alsagoff, 82000 Pontian, Johor**.



(**MOHD. EZZUDDIN BIN SANUSI**)

Yang Di Pertua,
Majlis Perbandaran Pontian.

Bertarikh: 21 Mac 2023

